

Pertandingan Mewarna sempena Pesta Konvokesyen USIM 25 November

SEREMBAN 13 Nov. - Sempena Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang memasuki tahun ke-10, universiti berkenaan dengan kerjasama Kumpulan Utusan akan mengadakan Pertandingan Mewarna yang akan diadakan pada 25 November ini di Tapak Pesta USIM dekat sini.

Penolong Pengurus Pengurusan Jenama Utusan Melayu (M) Berhad, Hazura Ahmad Halil berkata, program berkenaan merupakan salah satu aktiviti sampingan memeriahkan sambutan pesta konvokesyen berkenaan yang turut mendapat kerjasama Nestle.

"Pertandingan ini akan terbahagi kepada tiga kategori melibatkan kanak-kanak prasekolah, peringkat tahun satu hingga tahun tiga dan tahun empat sehingga tahun enam. Pertandingan ini terhad kepada 300 peserta terawal yang mendaftar.



22-25 November 2012

Tapak Pesta Konvo USIM 10 pagi - 10 malam

"Setiap penyertaan dikehendaki membayar RM5 dan bayaran itu hendaklah diserahkan pada hari pertandingan atau ke alamat Utusan Melayu (M) Berhad, No. 303 Taman AST, Jalan Sungai Ujong, 70200 Seremban," katanya di sini hari ini.

Jelasnya pelbagai hadiah menanti pemenang termasuk sebuah basikal bagi setiap kategori selain hamper.

Hazura turut menjelaskan, pelbagai aktiviti lain turut diadakan dalam Pertandingan Mewarna berkenaan termasuk Studio Penghias Wajah, Cabutan Bertuah, Harga Runtuh bagi produk Utusan, karikatur selain Bengkel Pena Kreatif oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. (UP&D).

"Orang ramai yang berkunjung ke pesta berkenaan turut berpeluang memenangi barangan elektrik menerusi cabutan bertuah yang akan diadakan pada hari berkenaan," katanya.

Jelasnya, orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berkenaan pertandingan berkenaan boleh menghubungi Zairina Lubis Noordin di talian 067672979.